

PM: Surat satu lagi pembohongan Pas

UM 25 NOV 1999

PETALING JAYA 24 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tuduhan bahawa beliau menulis surat kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak meminta bantuan kewangan bagi membiayai pilihan raya ini merupakan satu lagi pembohongan oleh Pas.

Perdana Menteri berkata, surat yang disiarkan menerusi Internet itu juga menggambarkan beliau cuba menjalinkan hubungan diplomatik dan membenarkan Malaysia menjadi penempatan tera Amerika Syarikat.

Surat itu, katanya, langsung tidak menggambarkan hubungan antara kerajaan dengan kerajaan berdasarkan kepada cara penulisan surat tersebut.

Beliau berharap rakyat

tidak terperanjat dan terpengaruh dengan pengedaran surat seperti itu.

“Ini satu cubaan membohongi rakyat dan satu fitnah besar terhadap diri saya dan kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi mendapatkan sokongan rakyat menjelang pilihan raya ini,” katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bersama rakyat di Bandar Sunway di sini malam ini.

Lebih 10,000 rakyat dari berbagai kaum dan peringkat umur hadir memberikan sokongan padu kepada BN.

“Tanda tanganpun tidak sama dengan tanda tangan saya,” tegas Dr. Mahathir sambil menunjukkan contoh surat tersebut yang menggunakan bahasa Inggeris pasar.

Malah kata Perdana Menteri, surat yang dikata-

kan surat rasmi kerajaan itu merujuk beliau sebagai mewakili UMNO dan Barisan Nasional, juga merupakan satu kebodohan penulisnya.

“Perdana Menteri tidak bercakap bagi pihak UMNO atau Barisan Nasional tetapi bagi pihak kerajaan. Ini kebodohan Pas,” ujarinya.

Malah kata Perdana Menteri dalam setiap surat rasmi seperti itu beliau akan menulis nama dan alamat penerima pada bahagian atas surat tersebut.

Katanya, beliau juga tidak biasa menggunakan istilah *The Honorable* sebaliknya menggunakan istilah *Your Excellency* sebagai kata-kata aluan jika benar surat itu ditujukan kepada Ehud Barak.

“Tolong belajar macam

mana hendak tulis surat rasmi. Kalau awak begitu bodoh jangan cuba membohong. Balik pergi sekolah la... tak reti tulis surat baik (dalam bahasa) Inggeris, baik Melayu,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau juga tidak tahu menahu tentang kewujudan ‘Clinton Fund’ atau Dana Clinton seperti yang tertera dalam surat itu.

“Nampaknya dia (Pas) tahu, mungkin dia pernah dapat (bantuan) dari situ. Saya nak bagi tau Pas, janganlah buat kerja bodoh macam ini,” sindir beliau.

Kata Perdana Menteri, beliau juga tidak pernah menggunakan nama Mahathir Mohamad pada setiap surat rasmi, sebaliknya menggunakan nama penuh Mahathir bin Mohamad.